



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 2 JUN 2020**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|--|--|
| 1. | DUA KEMENTERIAN PANTAU BEKALAN, PENGELUARAN MAKANAN, BH -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA) |
| 2. | FAMA SEES STRONG YEAR FOR 'KING OF FRUITS' DESPITE 'THORNY' ISSUES, BISNES/NEWS, NST -16 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 3. | PERUNTUKAN BERSASAR BANTU RANCAK EKONOMI NEGARA, MUKA SEPULUH, BH -10 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------------|---------|------------|
| 2/6/2020 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

Dua kementerian pantau bekalan, pengeluaran makanan



KUALA LUMPUR: Pemantauan dan penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mendapati bekalan dan pengeluaran makanan mencukupi untuk keperluan masa hadapan di negara ini.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan sudah melakukan pemantauan di pelbagai peringkat untuk melihat bekalan dan keperluan yang disediakan setakat ini.

"Rakyat tidak perlu bimbang sama ada bahan makanan pada musim perayaan termasuk sambutan Hari Gawai dan Pesta Keamatan cukup atau tidak.

"Ia mencukupi di semua peringkat termasuk di peringkat pengeluaran atau premis perniagaan," katanya pada sidang media Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selepas mesyuarat khas menteri-menteri di Putrajaya dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga sentiasa melakukan pemantauan serta penguatkuasaan sepanjang masa.

"Penguatkuasaan dan pemantauan KPDNHEP mendapati secara keseluruhan bekalan makanan mencukupi dan mudah diperolehi untuk menampung keperluan negara.

"Semalam, mereka membuat pemantauan harian terhadap 25 jenis barang di 775 premis termasuk di 626 peruncit; pemborong (124) dan pengilang (25).

"Begitu juga di peringkat pengeluaran makanan apabila Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mendapati situasi sama berlaku," katanya.

E-COMMERCE SWITCH

Fama sees strong year for 'King of Fruits' despite 'thorny' issues

KUALA LUMPUR: There will likely be a lower-than-normal yield of below 300,000 tonnes during the current durian season, according to the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

This was due to Malaysia experiencing high rainfalls and farms lacking manpower due to the Movement Control Order, said Fama in a joint statement with e-commerce platform Shopee yesterday.

However, despite the slowing global economy and other challenges, Fama is expecting demand to remain strong for both the domestic and export markets, especially in China and Singapore.

Thus, it is encouraging durian sellers to embrace e-commerce to boost sales.

Meanwhile, Shopee found that durian sellers were unperturbed by the Covid-19 disruptions.

It said more durian farmers were offering their D24, Musang

King, XO, Hor Lor and Udang Merah varieties, among others, on its platform.

"Some have become creative by launching the 'Duduk Rumali; Makan Durian' campaign," it said.

The Covid-19 pandemic has also impacted durian farmers beyond sales.

Shan Cheng Durian, which used to welcome tourists at its 4.8ha farm in Balik Pulau, Penang, said the pandemic was a blow to business but it was now going online.

"There are many things to consider when going online. For example, we have to think of innovative ways to keep the durians fresh and delicious," said co-founder and business manager Leow E Shuen.

"To ensure that our customers receive the best quality fruits, we collect the durians from the farm in the morning, repack them into boxes and deliver them on the



Federal Agricultural Marketing Authority expects durian harvest to fall to below 300,000 tonnes in the current season due to the high rainfalls and lack of manpower.

same day. With so many sellers online competing for sales, it boils down to quality, service and price to win over the customers."

For Mountain Cat Durian, the Covid-19 pandemic has caused the sales of its processed products, such as durian puffs and ice cream, to fall by 50 per cent.

It cited lower business-to-business (B2B) demand from the bakery and confectionery sector, as well as food and beverage merchants.

he added.

The Puchong-based has an 6ha farm in Broga, Negri Sembilan.

"With our offline and B2B sales being hit amid rising cost pressures, we realised it was time to explore an offline-to-online model to sustain the business and ensure that our durians do not go to waste," said founder Ma Tuck Mun.

"The current situation is an eye opener for us. We can no longer be complacent in our approach and ignore the digital world,"

Meanwhile, Shopee said the keyword search for "durian" on its platform was beginning to trend, highlighting consumers' interest.

In a bid to help durian sellers sustain their incomes while giving Malaysians their durian fix, Shopee will be featuring both Shan Cheng Durian and Mountain Cat, along with 500 other durian and fruit sellers, in its 6.6 Super Sale from now to June 6.

Peruntukan bersasar bantu rancak ekonomi negara

Dari Kaca Mata

Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid

Ketua Penganalisis Ekonomi, Bank Islam Malaysia Berhad

Umum mengetahui bahawa penularan wabak COVID-19 begitu serius. Kemelesetan ekonomi dijangka berlaku pada tahun ini dan angka pengangguran dianggarkan terus meningkat.

Perkara ini menyebabkan kerajaan terus bertindak pantas bagi menangani kesan wabak ini kepada ekonomi negara. Lantas beberapa langkah untuk merangsang aktiviti ekonomi direncanakan, manakala jumlah peruntukannya kian bertambah sejak ia mula diperkenalkan akhir Februari lalu.

Antara sektor yang mendapat perhatian utama kerajaan ialah perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Logikanya adalah sektor ini mewakili kelompok yang signifikan dalam ekonomi negara yang mana nisbah output PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia ialah 38.3 peratus pada 2018. Nilainya bersamaan RM521.7 bilion pada tahun berkenaan.

Di samping itu, jumlah pekerja di sektor PKS mewakili dua pertiga daripada jumlah pekerjaan dan ia menyumbang 17.3 peratus kepada jumlah eksport negara.

Maka tidak hairan mengapa sektor PKS ini menjadi tumpuan utama dalam pakej rangsangan ekonomi negara. Mungkin ada yang berpendapat pakej rangsangan ini perlu ditambah supaya sektor PKS akan terus dapat bertahan.

Berdasarkan kedudukan kewangan semasa kerajaan, mereka sememangnya mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian berikutan hutang kerajaan kebanyakan dalam mata wang ringgit yang mana ia mewakili 96 peratus daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan.

Di samping itu, pelabur institusi seperti dana pencen, syarikat insurans dan pengurus dana sentiasa mempunyai minat belian

tinggi setiap kali kerajaan menerbitkan hutang mereka.

Oleh itu, persoalan penting adalah bentuk kewangan yang perlu diberikan serta golongan yang layak menerimanya. Dalam hal ini, bantuan ini tidak boleh diberi secara sembarono ataupun pukol rata.

Perincian yang teliti terhadap PKS yang layak menerima perlu diberi perhatian supaya ia dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya serta mampu memberi kesan pengganda yang tinggi seperti mewujudkan permintaan terhadap buruh serta barang modal.

Dalam hal ini, keutamaan perlu diberikan kepada sektor yang masih terkesan meskipun Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPBE) dilaksanakan pada 4 Mei lalu.

Sektor seperti pelancongan perlu diberi perhatian khusus kerana pelancong masih tidak dibenarkan masuk ke negara ini. Situasi ini menyebabkan kurangnya permintaan terhadap pengangkutan, perkhidmatan agensi pelancongan, penginapan serta makanan dan minuman.

Selain memastikan sektor mana yang masih terkesan meskipun PKPBE dilaksanakan, penelitian terhadap kecairan dan tahap keberuntungan PKS ini juga perlu diteliti. Ini bagi memastikan supaya PKS dapat menstruktur semula kewangan secara optimum dengan mengambil kira kedudukan kewa-



Kebanyakan peniaga kraftangan bagi industri pelancongan terjejas akibat penularan wabak COVID-19. (Foto Iqmal Haqim Rosman/BH)

ngan mereka sebelum dan selepas penularan wabak COVID-19.

Mungkin ada aset yang boleh dicairkan dijadikan modal pusingan di samping memajukan tempoh matang bagi hutang sedia ada. Selain itu, pengusaha PKS juga perlu diberi bimbingan mengenai kelestarian perniagaan yang mereka ceburi dan apakah mereka perlu beralih arah ke sektor yang berbeza bagi memastikan kelangsungan mereka sebagai ahli perniagaan.

Keputusan strategik seperti ini

perlu dibimbing oleh tenaga pakar supaya proses peralihan boleh berlaku dengan lancar. Sebagai contoh, sektor agromakanan dilihat mempunyai potensi tinggi untuk diceburi berikutan tahap sara diri yang rendah. Tahap sara diri bagi cili dan daging adalah 38.8 peratus dan 22.2 peratus. Ini bermakna negara kita banyak bergantung kepada import bagi memenuhi permintaan tempatan.

Berdasarkan angka ini, terdapat peluang perniagaan di sektor

agromakanan yang boleh diceburi berikutan negara kita mempunyai iklim yang sesuai untuk bertani. Jadi, bagi mereka yang sebelum ini beroperasi dalam sektor yang lain dan ingin menceburi sektor agromakanan, mereka perlu mendapat khidmat nasihat dari badan kerajaan yang berkaitan seperti Lembaga Pertubuhan Perladangan (LPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Ini bagi memastikan mereka benar-benar faham ekosistem agromakanan serta kemahiran yang diperlukan.

Selain itu, kecekapan perniagaan perlu dinilai sama ada PKS masih berada di takuk lama dalam melaksanakan perniagaan atau tidak. Jurang kemahiran ini perlu dikenal pasti supaya PKS dapat menghasilkan output yang cekap, di samping dapat memaksimumkan keuntungan mereka.

Justeru, sekiranya bantuan kerajaan ini mahu ditambah, ia perlu bersasar dan mampu meningkatkan daya saing PKS dalam jangka panjang.

Pengusaha PKS pula perlu bersifat terbuka dan sentiasa menilai perniagaan mereka dan membuat keputusan strategik dengan mengambil kira aspek seperti pasaran, pesaing, halangan perniagaan, kos operasi serta tahap penggunaan digital.

Apabila kita berfikir secara holistik, bantuan yang diperlukan mungkin tidak semestinya berbentuk kewangan semata-mata. Penting juga bagi PKS untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan agensi kerajaan yang berkaitan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Apabila berdaftar, maka mudah bantuan kerajaan untuk disalurkan, di samping menggalakkan PKS ini menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pembayar cukai sekiranya sudah mencapai had yang melayakkan mereka membayar cukai.

Kerajaan perlu merencanakan ekonomi supaya hasil cukai dapat dikutip, manakala PKS pula memerlukan ekosistem serta pertumbuhan ekonomi yang tinggi bagi menyayakan perniagaan mereka. Ia seumpama pepatah Melayu bagi 'aur dengan tebing' yang mana PKS dan kerajaan saling memerlukan.



Idlim di negara kita membolehkan sektor agromakanan berkembang pesat.

(Foto hiasan)